
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober / November 2006

EUT 201/2 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab **DUA [2]** soalan sahaja. **SATU [1]** daripada Bahagian A (soalan wajib) dan **SATU [1]** daripada Bahagian B.
4. Sila catatkan dengan jelas **nama PENSYARAH/TUTOR** yang mengendalikan kelas tutorial anda di sudut kiri skrip jawapan.
5. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
6. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
7. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

JAWAB 2 SOALAN

BAHAGIAN A: SOALAN 1 WAJIB

1. Kempen ‘Belia Benci Dadah’ adalah merupakan salah satu cara yang dilaksanakan oleh agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADK) untuk mengurangkan kegiatan gejala sosial khususnya berkaitan dengan penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia. Apakah pandangan dan penyelesaian yang kreatif dan inovatif yang boleh anda jana dalam usaha membantu kempen tersebut secara berkesan.
 - a. Sebagai pelajar universiti yang tergolong dalam masyarakat intelek, berfikiran terbuka, positif dan analitikal, berikan pandangan dan analisa anda mengenai perkara ini.
 - b. Dengan menggunakan mana-mana empat alat berfikir yang sesuai, buat satu cadangan kepada kerajaan sama ada anda menyokong atau sebaliknya kempen tersebut. Sekiranya anda tidak menyokong kempen ini, berikan cadangan alternatif yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu menhapuskan kegiatan gejala sosial ini.

(50 markah)

BAHAGIAN B: PILIH SALAH SATU SOALAN

2. Anda seorang juruterbang pesawat pejuang F-16C. Anda telah dihantar ke suatu misi perperangan. Semasa melalui kawasan musuh, pesawat anda telah ditembak dan terhempas di satu kawasan hutan. Namun dengan ilmu penerbangan yang anda telah pelajari semasa di universiti dan nasib menyebelahi anda, anda ditakdirkan masih hidup. Anda telah cuba untuk menyembunyikan diri walaupun anda merasakan musuh-musuh akan berjaya menjelaki dan menemui anda. Gunakan alat-alat berfikir yang sesuai yang telah anda pelajari untuk mengambil tindakan menyelamatkan diri anda dan seterusnya anda berjaya dibawa balik ke Malaysia.
- (50 markah)
3. Baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said telah mencadangkan pembinaan Pusat Sukan Berprestasi Tinggi di London (di tapak Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC)) yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan latihan di Eropah kepada atlet-atlet Malaysia yang bakal bertanding di kejohanan antarabangsa khususnya di Eropah. Walau bagaimanapun, pembinaan yang dianggarkan sekitar RM490 juta itu dianggap tidak wajar pada ketika kerajaan menyarankan rakyat supaya berjimat cermat rentetan daripada isu kenaikan harga minyak. Selain itu, "respon awal" daripada pihak berkuasa British juga menunjukkan yang mereka tidak akan membenarkan Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) di Brickendonbury, London diubah menjadi Pusat Sukan Berprestasi Tinggi.

Pada pendapat anda, sejauh manakah Pusat Sukan Berprestasi Tinggi di luar negara ini diperlukan bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet sukan Malaysia. **Gunakan sekurang-kurangnya empat (4) topi berfikir untuk membincangkan pandangan anda.** Berikan kesimpulan yang sesuai kepada perbincangan anda.

(50 markah)

4. Rancangan Malaysia Ke-9 telah dibentangkan pada 31 Mac 2006 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. RMK-9 ini bertujuan menyediakan landasan kukuh bagi negara kita untuk mencapai Wawasan 2020. Dasar dan strategi RMK-9 berpaksi kepada cabaran utama untuk meningkatkan prestasi dan kemampuan negara ke tahap yang lebih cemerlang bagi menghadapi cabaran semasa.

Pelbagai projek telah dirancangkan yang meliputi keseluruhan negeri di Malaysia seperti pembangunan Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER), Koridor Utara Semenanjung, pembinaan universiti di Terengganu dan Kelantan, jambatan ke-2 Pulau Pinang, jambatan di antara Semporna dan Pulau Bum Bum, penumpuan kepada bidang bioteknologi dan peningkatan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia.

Sebagai siswa/siswi yang berwawasan untuk membantu Malaysia ke arah Malaysia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang menuju Wawasan 2020, gunakan alat-alat berfikir PMI (baik, buruk dan menarik), FIP (perkara yang diutamakan), CAF (ambil kira semua faktor), C&S (kesan & akibat), OPV (ambil kira pandangan orang lain) untuk menyumbangkan idea yang bernes yang boleh diperlakukan dalam perlaksanaan RMK-9 atau pada masa hadapan.

(50 markah)

5. Pada masa kini, pelbagai krisis berlaku di seluruh dunia yang memberi kesan terhadap keamanan negara dan kestabilan masyarakat dunia. Contohnya, krisis di Asia Barat yang berterusan bagaikan tiada penghujungnya. Keganasan Israel terhadap Lubnan yang hanya berpunca daripada penawanan 2 tentera Israel oleh puak Hizbulah telah menyebabkan kemusnahan harta benda dan kematian rakyat Lubnan yang tidak berdosa khususnya kanak-kanak dan golongan wanita. Selain itu, krisis senjata nuklear yang berlaku juga amat dibimbangi oleh rakyat seluruh dunia terutamanya bagi kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan Britain. Mereka merasa egonya tercabar apabila negara-negara lain seperti India, Pakistan dan baru-baru ini Korea Utara mampu menghasilkan senjata nuklear. Pelbagai krisis yang berlaku di seluruh dunia ini telah menimbulkan keresahan di kalangan semua pihak terutamanya bagi negara-negara kecil tentang keamanan dan kemakmuran dunia hari ini.

Sebagai siswa/siswi bagi sebuah universiti yang peka terhadap isu antarabangsa, janakan idea atau kaedah-kaedah yang bernes bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan masyarakat dunia dengan menggunakan pemikiran vertikal dan lateral.

Huraikan idea atau kaedah-kaedah bernes anda dengan menggunakan setiap satu jenis fikiran ini.

(50 markah)